

# HOSEDYL DM COUGH LINCTUS

Dextromethorphan Hydrobromide/Promethazine Hydrochloride (15mg/3.6 mg per 5 ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hosedyl DM
2. Bagaimana Hosedyl DM berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hosedyl DM
4. Cara menggunakan Hosedyl DM
5. Semasa menggunakan Hosedyl DM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hosedyl DM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Hosedyl DM

Hosedyl DM digunakan untuk melegakan untuk jangka masa pendek simptom batuk tidak berkahak dan selesema, terutamanya pada waktu malam.

## Bagaimana Hosedyl DM berfungsi

Ubat ini mengandungi promethazine hydrochloride dan dextromethorphan hydrobromide sebagai bahan aktif.

Dextromethorphan hydrobromide berfungsi sebagai penahan batuk. Ia menghalang isyarat dalam otak yang menyebabkan batuk.

Promethazine adalah antihistamina. Promethazine menghalang kesan bahan kimia semulajadi, histamina dalam badan anda. Ia mempunyai kesan antikolinergik yang menghasilkan kesan pengeringan pada mukosa hidung dan mulut.

## Sebelum menggunakan Hosedyl DM

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah kepada dextromethorphan, promethazine atau mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- anda berisiko untuk mengalami kegagalan pernafasan
- anda mengalami serangan asma akut
- anda sedang menyusui atau merancang untuk menyusukan bayi.
- anda hamil, berfikir anda hamil, atau merancang untuk hamil.

- Jangan memberikan ubat ini kepada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.
- Jangan memberikan ubat ini kepada remaja dengan tanda-tanda dan gejala Reye's Sindrom (penyakit yang boleh membawa maut yang menjejaskan otak dan hati). Tanda-tanda biasa ialah mengantuk, muntah berterusan dan kerosakan hati.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda

- Sebelum mula menggunakan Hosedyl DM

Beritahu doktor / ahli farmasi anda jika:

- anda mempunyai alah kepada mana-mana ubat lain, bahan makanan, pewarna atau pengawet
- anda mempunyai masalah membuang air kecil
- anda mempunyai symptom hipertrofi prostat (pembesaran prostat)
- anda mempunyai depresi sum-sum tulang
- anda mempunyai penyakit jantung
- anda mempunyai koma
- anda mempunyai penyakit mata yang dipanggil glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- anda mempunyai kekuningan pada kulit (jaundis)
- anda mempunyai *Reye's syndrome*
- anda mempunyai penyakit paru-paru termasuk simptom seperti sesak nafas, berdehit dan batuk yang menghasilkan kahak
- anda mempunyai masalah kesukaran bernafas (pengudaraan tidak mencukupi)
- anda mempunyai sejarah asma
- anda mempunyai masalah hati
- anda mempunyai diabetes

Dapatkan nasihat doktor sebelum menggunakan ubat ini untuk kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

## Penggunaan dalam warga tua

Pengambilan Promethazine lebih cenderung untuk mengalami pening, sedatif, kekeliruan, tekanan darah rendah dan reaksi paradoks (kesan bertentangan dengan apa yang biasanya dijangka daripada ubat).

## Penggunaan dalam kanak-kanak

Tidak disyorkan pada bayi yang baru lahir atau pra-matang kerana mereka lebih terdedah kepada kesan-kesan seperti keterujaan dan peningkatan kecenderungan mengalami sawan.

## Mengandung dan penyusuan susu ibu

Ubat ini tidak boleh diambil semasa mengandung terutamanya 2 minggu sebelum tarikh lahir bagi mengelakkan perencatan pengagregatan platelet (menghalang pembekuan darah).

Ubat ini tidak disarankan semasa penyusuan bayi disebabkan oleh kesan advers seperti keterujaan luar biasa atau iritasi pada bayi. Promethazine boleh menghalang penghasilan susu badan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi.

Beritahu doktor jika anda mengambil ubat-ubatan berikut:

- alkohol
- agen depresi sistem saraf pusat (CNS)
- monoamine oxidase (MAO) inhibitors termasuk furazolidone, phenelzine, procarbazine, selegiline dan tranlycypromine
- perencat enzim lain seperti amiodarone atau fluoxetine atau quinidine
- ubat-ubatan antikolinergik
- epinephrine
- levodopa (untuk rawatan penyakit Parkinson)
- intrathecal metrizamide
- Ubat-ubatan yang menyebabkan kesan extrapyramidal (e.g. haloperidol, metoclopramide, tricyclic antidepressants)

# HOSEDYL DM COUGH LINCTUS

Dextromethorphan Hydrobromide/Promethazine Hydrochloride (15mg/3.6 mg per 5 ml)

Beritahu doktor bahawa anda mengambil Hosedyl DM jika anda akan melakukan ujian makmal berikut:

- Ujian toleransi glukosa
- Ujian kehamilan air kencing imunologi
- Ujian kulit menggunakan ekstrak alergen

Interaksi lain yang tidak disenaraikan mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

## Cara menggunakan Hosedyl DM

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Oral

Dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun  
5 - 10 ml (1 hingga 2 sudu teh), 3 hingga 4 kali sehari, tidak melebihi 40 ml dalam satu hari.

### Kanak-kanak 6 - 12 tahun

2.5-5 ml (1/2 hingga 1 sudu teh), 3 hingga 4 kali sehari, tidak melebihi 20 ml dalam satu hari.

### Kanak-kanak 2 - 6 tahun

1.25-2.5 ml (1/4 hingga 1/2 sudu teh), 3 hingga 4 kali sehari, tidak melebihi 10 ml dalam satu hari.

Anda dinasihatkan untuk menggunakan alat pengukur yang ditentukkan kerana 5 ml adalah anggaran kasar satu sudu dan sudu yang berbeza akan berbeza dari segi jumlah isipadu.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau pegawai farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Anda dinasihatkan untuk terus menggunakan Hosedyl DM untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin atau telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian dan perubatan segera.

Pengambilan yang terlalu banyak boleh menyebabkan resah, gelisah atau marah, keterujaan yang luar biasa yang teruk, mengantuk yang teruk, pening, mulut kering, anak mata yang besar, kemerahan, rasa loya, muntah-muntah, pernafasan cetek, dan pengsan, tekanan darah rendah yang teruk, penglihatan kabur, koma, kekeliruan, gangguan pergerakan, pergerakan tidak selaras, pengalihan udara tidak mencukupi dan kesukaran untuk kencing.

## Semasa menggunakan Hosedyl DM

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda :

- jika anda mengalami reaksi alahan / apa-apa kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat.
- jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Hosedyl DM.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan:

- beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda
- ambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali anda telah dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi
- mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali ahli farmasi atau doktor anda menasihatkan
- berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera kerana Hosedyl DM boleh membuat anda rasa mengantuk, pening atau kurang kecerdasan. Anda harus mengetahui bagaimana anda bertindakbalas terhadap ubat ini sebelum melakukan aktiviti yang berbahaya. Kanak-kanak harus diperhatikan untuk mengelakkan kecederaan semasa melakukan aktiviti berbahaya.

# HOSEDYL DM COUGH LINCTUS

Dextromethorphan Hydrobromide/Promethazine Hydrochloride (15mg/3.6 mg per 5 ml)

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Hosedyl DM boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan sampingan boleh menjadi serius tetapi kebiasaannya ia adalah ringan dan untuk tempoh sementara sahaja.

Beritahu doktor secepat mungkin jika anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti yang berikut ketika pengambilan ubat ini.

Kesan sampingan yang umum:

- ruam kulit
- pening
- sakit kepala
- mengantuk
- kekeliruan
- penambahan berpeluh
- bunyi berdering dalam telinga anda
- kekeringan mulut, hidung atau tekak
- penyakit darah yang dikenali sebagai *blood dyscrasias*
- sukar atau sakit semasa kencing
- tekanan darah rendah
- hilang selera makan
- reaksi paradox (kesan bertentangan dengan kesan yang diharapkan daripada Hosedyl DM untuk melegakan batuk)
- sensitif kepada cahaya
- peningkatan kadar degupan jantung yang tidak normal

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor secepat mungkin jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)

(Consumers→Reporting)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Hosedyl DM

### - Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah 25°C. Jauhkan dari cahaya

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada pegawai farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Berwarna coklat, berperisa plum, cecair likat

### - Bahan-bahan kandungan

#### - Bahan Aktif

Setiap 5 ml mengandungi:  
Promethazine HCl 3.6 mg  
Dextromethorphan HBr 15 mg

#### - Bahan-bahan Tidak Aktif

Propylene Glycol  
Syrup Simplex  
Methyl Hydroxybenzoate  
Propyl Hydroxybenzoate  
Saccharin Sodium  
Purified Water  
Glycerine  
Malic Acid  
Potassium Citrate  
Caramel Liquid  
Plum Essence  
Liquid Glucose  
Citric acid

### - Nombor MAL:

MAL05051077A

## Pengilang

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
30010 Ipoh, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
30010 Ipoh, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

19/10/2015

## Number Series

BPFK(R4/1)130815/00245